

SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH

BIL.	SYARAT	TANDAkan (√)	CATATAN
MAKLUMAT YANG PERLU DICATAT DI ATAS PELAN			
1	Tarikh kelulusan Pelan Kebenaran Merancang JPB/KM/..... yang telah diluluskan dicatat di atas pelan (pastikan tarikh kelulusan yang diberi belum luput tempoh. Sila kemukakan tarikh kelulusan yang baru berserta surat Jabatan berkaitan sekiranya tarikh kelulusan telah luput tempoh).		
2	Mencatat Nombor Pelan Bangunan yang telah diluluskan di atas pelan.		
3	Mencatat tarikh kelulusan Pelan Bangunan di atas pelan (pastikan tarikh kelulusan yang diberi belum luput tempoh. Sila kemukakan tarikh kelulusan yang baru berserta surat Jabatan berkaitan sekiranya tarikh kelulusan telah luput tempoh).		
NOTA AM YANG PERLU DICATAT DI ATAS PELAN			
4	Tiada kerja tanah dibenarkan dimulakan sebelum Pelan Kerja Tanah diluluskan.		
5	Kerja tanah akan dijalankan semasa cuaca panas / kering.		
6	Segala tumbuh-tumbuhan, rumput dan sebagainya akan dialih sebelum tanah ditarah / dikorek dan ditimbus.		
7	Untuk mencegah pencemaran udara (akibat habuk / debu), semua lori yang berisi muatan akan ditutup dengan kanvas dan segala tayar hendaklah dibasuh dan dibersihkan sebelum masuk ke jalan awam semasa kerja-kerja tanah berjalan.		

BIL.	SYARAT	TANDAKAN (√)	CATATAN
8	Sempadan tanah bukit akan ditunjukkan di dalam lukisan muka keratan lintang dan pelan tapak.		
9	Potongan / timbusan pugak tidak dibenarkan.		
10	'Loose crusher run' akan diletakkan di laluan keluar / masuk dari tapak besen basuh tayar hingga ke jalan awam.		
11	Timbusan akan dibuat berlapis-lapis yang tidak lebih daripada 450mm (18 inci) longgar. Setiap lapisan hendaklah dipadatkan dengan teliti menggunakan penggelek 10 tan atau setara dengannya sebelum diteruskan dengan lapisan kedua.		
12	Pinggir tarahan akan dipastikan pada satu cerun yang sekurang-kurangnya 1:1 dan untuk timbusan 1:1½ dan dilindungi daripada hakisan gegelok dengan menanam rumput secara rapat.		
13	Kerja-kerja korekan / timbusan akan dijalankan di bawah penyeliaan seorang Jurutera Perunding Bertauliah dan dengan cara yang terkawal rapi supaya ia tidak menyebabkan gangguan dan kerosakan kepada harta-harta bersebelahan atau aduan daripada orang ramai.		
14	Semua setinggalan yang ada di tapak perlu dipindah sebelum memulakan kerja.		
15	Semua kerja tanah akan dibuat di dalam lot pemohon itu sendiri. Sekiranya kerja-kerja itu dicadangkan di atas lot yang bersebelahan, kebenaran bertulis dari pemunya tanah itu mestilah diperolehi dan dibuat di atas setiap set pelan kerja tanah berkaitan.		
16	Foto-foto kolam enapan setelah siap dibina akan dihantar ke Jabatan ini sebelum memulakan kerja tanah. Seterusnya foto kolam enapan ini hendaklah dihantar setiap bulan sehingga kerja-kerja tanah siap. Jurutera Perunding Bertauliah dikehendaki mengesahkan di belakang foto yang beliau telah menjalankan pemeriksaan ke atas kolam enapan itu dan mendapati kolam enapan itu berada di dalam keadaan baik dan sentiasa diselenggara. Tarikh pemeriksaan itu hendaklah dinyatakan di belakang foto atau dari foto bertarikh.		

BIL.	SYARAT	TANDAKAN (√)	CATATAN
17	Pembukaan dan pemotongan tanah hanya dibenarkan dibuat di tapak-tapak pembinaan bangunan dan infrastruktur berkaitan dengan yang hendak dibangunkan sahaja. Tempoh masa di antara kerja pembukaan kawasan dan pembinaan hendaklah disingkatkan.		
18	Kerja-kerja pemulihan dan menstabilkan cerun-cerun bukit yang telah dipotong dan kawasan-kawasan terbuka akan dijalankan dengan serta-merta. Kawasan terbuka yang telah siap dikerjakan atau menunggu kerja-kerja berikutnya hendaklah dilindungi atau ditanami rumput / tanaman tutup bumi dengan serta-merta.		
19	Semua parit sementara dan kolam enapan akan dibina sebelum kerja tanah dijalankan / dimulakan. 'Water jet' hendaklah digunakan bersama dengan tempat basuh tayar sekiranya tempat basuh tayar tidak memberi kesan dan jalan awam masih dicemari.		
20	Besen basuh tayar, perangkap enap dan parit tanah sementara akan diselenggara sepanjang tempoh pembinaan itu.		
21	Perangkap enap akan ditimbus, dirata serta ditanam dengan rumput di mana perlu pada akhir tempoh pembinaan.		
22	Parit keliling hendaklah dibina di sekeliling kawasan kerja tanah untuk mengelakkan sebarang pencemaran di sekeliling kawasan rendah.		
23	Parit tetangga konkrit tuang disitu (cast in-situ) akan disediakan di beberapa tempat yang sesuai. Butiran parit tetangga ini akan diberi.		
24	Parit Bahu dari jenis konkrit tuang disitu (cast in-situ) akan dibina untuk cerun-cerun yang lebih dari 10 kaki.		
25	Tiada longkang / parit / anak sungai / sungai sedia ada dibenarkan ditimbus sehingga longkang / parit / anak sungai / sungai lencongan telah dibina atau digali.		

BIL.	SYARAT	TANDAKAN (√)	CATATAN
26	Sungai / anak sungai / parit yang sedia ada akan dibersihkan lodak dengan perbelanjaan pemunya sendiri sekiranya ia berlodak disebabkan oleh kerja-kerja tanah yang dicadangkan.		
27	Kawalan hakisan dan kelodak di tapak adalah berpandukan kaedah 'ESCP' mengikut garis panduan MSMA. (Aspek-aspek yang ditunjukkan di dalam pelan 'ESCP' ditunjukkan di atas pelan tapak untuk kerja tanah).		
28	Semua rekabentuk dan spesifikasi letupan atau apa-apa pekerjaan yang terlibat dengan perletupan akan mengikut kelulusan Jabatan Mineral & Geosains dan pihak Polis. Jabatan Kejuruteraan akan dimaklumkan berhubung kerja-kerja perletupan sekurang-kurangnya sehari sebelum kerja perletupan dijalankan.		
29	Kawalan bunyi bising dan gegaran semasa pelaksanaan kerja-kerja di tapak akan mengikut garis panduan Jabatan Alam Sekitar.		
PENGESAHAN JURUTERA PERUNDING			
30	Semua aras yang diberikan adalah benar dan betul mengikut data yang diberikan berdasarkan data rujukan pada [Sila nyatakan kedudukan datum rujukan dan arasnya pada ruang yang kosong. Semua nilai aras yang ditunjukkan mestilah diselaraskan dengan paras ordinan ukur (S.O.D). Lokasi paras tersebut hendaklah dicatitkan di atas pelan].		
31	Parit awam / laut / sungai yang berhampiran tidak akan tercemar ekoran dari kerja tanah yang dilaksanakan.		

BIL.	SYARAT	TANDAKAN (√)	CATATAN
32	<p>Menyatakan kod-kod amalan yang digunakan bagi ;</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Penyiasatan di tapak b. Kerja tanah c. Asas d. Bahan-bahan menahan tanah e. Asas dan binaan-binaan yang belum siap untuk bangunan-bangunan yang bukan bangunan perusahaan yang tingginya tidak lebih dari 4 tingkat. (Nyatakan kanun amalan Piawaian Malaysia yang setara bagi perkara di atas sekiranya ada). 		
33	<p>Cerun-cerun tanah dan tembok-tembok penahan yang dicadangkan berupaya menanggung tekanan tanah dan akujanji bahawa kerja-kerja yang dibuat di tapak itu akan menepati / mematuhi pelan yang diluluskan.</p>		
34	<p>Tiada kerja-kerja struktur atau kerja tanah akan dijalankan di dalam lingkungan simpanan sungai kecuali kebenaran bertulis dari kerajaan negeri diperolehi.</p>		
35	<p>Sebarang penurunan muka air bumi di dalam kerja tanah asas tidak akan melibatkan sebarang struktur, jalan atau harta lain di sekitarnya.</p>		
36	<p>Kerja tanah yang dicadangkan tidak akan menjejaskan saluran-saliran kawasan-kawasan persekitaran dan sekiranya takungan air berlaku, pemaju akan mengambil tindakan segera untuk meredakan kedudukan itu.</p>		
37	<p>Pelan Kerja Tanah yang dikemukakan ini adalah selaras dengan Pelan Kebenaran Merancang [MPPP/OSC/PM.....] dan Pelan Bangunan [MPPP/OSC/PB.....] yang telah dikemukakan untuk kelulusan Jawatankuasa Pusat Setempat. Saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala ketepatannya.</p>		

BIL.	SYARAT	TANDAKAN (√)	CATATAN
38	Pelan Kerja Tanah yang dikemukakan ini adalah selaras dengan Pelan Kebenaran Merancang (JPB/PM/..... yang telah diluluskan pada] dan Pelan Bangunan [MPPP/OSC/PB.....] yang *telah / akan dikemukakan untuk kelulusan Jawatankuasa Pusat Setempat. Saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala ketepatannya.		
39	Hanya pemacu cerucuk jenis hidraulik akan digunakan untuk kerja-kerja menanam cerucuk. Pemacu cerucuk juga akan dipastikan dari jenis yang tidak menimbulkan kacauganggu terhadap orang awam atau kerosakan harta orang awam.		
40	Saya bertanggungjawab ke atas segala rekabentuk, penyeliaan dan pengawasan bagi semua kerja-kerja yang berhubung dengan kerja tanah.		
41	Saya bertanggungjawab sepenuhnya untuk rekabentuk dan penyeliaan dinding penahan konkrit tetulang.		
PENGESAHAN PEMUNYA			
42	Pemunya mengakujaji untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan kepada jalan-jalan kerajaan atau harta-harta awam yang lain dan juga menyapu / membersihkan jalan-jalan awam yang terlibat berulang kali berhampiran dengan tapak yang dicadangkan (Pemunya hendaklah menurunkan tandatangan di bawah akujanji ini).		
LAPORAN-LAPORAN			
43	Dua (2) set laporan penyiasatan tanah. Satu set mengandungi laporan bertulis (hardcopy) dan satu lagi dalam bentuk CD (softcopy – dalam format Adobe pdf).		

BIL.	SYARAT	TANDAKAN (√)	CATATAN
44	Laporan bertulis berhubung pindaan yang terlibat, kenapa pindaan perlu dibuat dan perbezaan kos antara item yang dipinda berbanding item asal yang dicadangkan. Laporan yang dikemukakan mestilah menjelaskan semua pindaan yang terlibat termasuklah pindaan terhadap aras formasi (jika ada).		
45	Laporan pengiraan bagi kestabilan cerun (slope stability calculation) memenuhi syarat dan perundangan yang telah ditentukan untuk tujuan rekod Jabatan sahaja.		
46	Mengemukakan laporan bertulis mengikut garis panduan 'format for the submission of the design report for building with basement excavation'.		
47	<p>Laporan kerja tanah mengandungi :-</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Cara pengorekan, merata, menimbus, menanam cerucuk perlindungan atau sebarang proses geoteknik yang lain. b) Jadual kerja tanah dan susunan peringkat kerja tanah yang akan dijalankan. c) Kuantiti tanah yang hendak dikorek atau ditimbus dan tempat di mana tanah yang dikorek itu hendak dilonggokkan atau dari manakah hendak didapati tanah yang akan digunakan untuk kerja menimbus dan disertakan dengan kelulusan bertulis oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk mengangkut tanah itu. d) Langkah-langkah yang diambil bagi melindungi tanah, bangunan, jalan dan harta-harta yang berhampiran / bersambungan. e) Pelan-pelan terperinci dan berskala tidak kurang dari ¼ inci bagi satu kaki dan penentuan-penentuan mengenai sebarang cerucuk tebing rapat atau lain-lain binaan penahan atau penentuan-penentuan mengenai pengukuhan cerun yang dikehendaki mengikut Undang-undang Kecil (Kerja tanah) Pulau Pinang 1975. 		

BIL.	SYARAT	TANDAKAN (√)	CATATAN
48	Laporan lengkap Geoteknikal pertama bersama analisa laporan kedua dari Jurutera Perunding Geoteknikal bebas bertauliah yang dilulus oleh Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Tanah Berisiko Negeri Pulau Pinang, dalam bentuk laporan bertulis dan satu bentuk dalam CD (Adobe Pdf).		
PENGIRAAN-PENGIRAAN			
49	Pengiraan-pengiraan yang menunjukkan keupayaan parit sementara, kolam mendapan dan perangkap enap itu hendaklah diberi mengikut kaedah MSMA. Sila kepilkan lakaran kasar yang menunjukkan dimensi bagi parit tanah sementara dan kolam pemendapan.		
50	Pengiraan untuk tembok penahan untuk rekod Jabatan sahaja.		
51	Pengiraan isipadu korekan / potongan dan timbusan.		
SALINAN / DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN			
52	Borang A (MENGEMUKAKAN PELAN-PELAN UNTUK KERJA TANAH) telah diisi dengan lengkap.		
53	Salinan surat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang JPB/KM/...../A yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang mengandungi syarat-syarat kelulusan sepertimana ada di dalam pelan itu.		
54	Salinan Pelan Kebenaran Merancang yang telah diberikan kelulusan oleh Majlis.		
55	Salinan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan [pelan tapak dan lukisan keratan bangunan-bangunan] yang selaras dengan pelan yang telah dikemukakan untuk kelulusan Jawatankuasa Pusat Setempat.		
56	Salinan surat kelulusan Pelan Bangunan yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang mengandungi syarat-syarat kelulusan sepertimana ada di dalam pelan itu.		

BIL.	SYARAT	TANDAKAN (√)	CATATAN
57	Sila kemukakan salinan Pelan Bangunan yang telah diberikan kelulusan oleh Majlis (pelan tapak dan lukisan keratan bangunan-bangunan).		
58	Salinan geran tanah bagi lot-lot yang terlibat mesti dikemukakan.		
59	Pelan ukur tanah dari Juru Ukur Berlesen menunjukkan aras tanah sedia ada dan lain-lain butiran sedia ada di dalam kawasan tapak.		
60	C.P (Certified Plan) dari Jabatan Ukur Negeri.		
MAKLUMAN DAN TINDAKAN			
61	2 (DUA) set pelan kertas (peringkat awal). 3 (TIGA) set pelan (2 SET KERTAS & 1 SET LINEN) – peringkat sebelum pembentangan.		
62	Pastikan tempat kerja-kerja korekan dan timbusan di pelan tapak adalah sama sepertimana ditunjuk di lukisan keratan.		
63	Nombor rujukan fail Jabatan ini akan dicatatkan di sudut atas kanan pada setiap pelan kerja tanah dengan warna merah.		
64	Tajuk pelan hendaklah ' Cadangan Kerja Tanah Bagi ' diikuti dengan tajuk sepertimana di dalam Pelan Bangunan yang telah diluluskan.		
65	<p>Satu pelan tapak hendaklah dilukis mengikut skala tidak kurang dari 1:1000 (1 inci bagi 80 kaki) menunjukkan,</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Tapak kerja tanah b. Masuk laluan jalan c. Anak-anak sungai utama / aliran-aliran semulajadi, parit-parit dan tanah-tanah bersambungan atau sebahagiannya. 		

BIL.	SYARAT	TANDAKAN (√)	CATATAN
66	<p>Satu pelan kontor 1.5 meter (5 kaki) dengan skala tidak kurang dari 1:500 (1 inci bagi 40 kaki) menunjukkan,</p> <p>a. Kedua-dua tanah yang sedia ada di mana hendak dijalankan kerja tanah itu.</p> <p>b. Tanah-tanah bersambungan</p>		
67	Pelan–pelan dilipat tidak melebihi ukuran A4.		
68	Pelan keratan membujur dan lintang yang tidak kurang dari 1:125 (1 inci bagi 10 kaki) untuk skala pugak dan tidak kurang dari 1:500 (1 inci bagi 40 kaki) untuk skala ufuk yang menunjukkan kerja tanah yang hendak dijalankan di tapak itu.		
69	Sempadan- sempadan lot hendaklah ditandakan dengan warna merah.		
70	Sesalinan pelan lokasi dengan 'landmark' yang bersesuaian dan jelas (nombor premis dan sebagainya) berdekatan tapak cadangan hendaklah diberi.		
71	Garis-garis sempadan hendaklah ditunjukkan di setiap lukisan muka keratan.		
72	Keadaan profail tanah sedia ada 5 meter di luar dari kedua-dua sempadan lot hendaklah ditunjukkan di dalam lukisan pelan keratan.		
73	Menyatakan arah aliran air bagi parit tanah sementara di atas pelan tapak.		
74	Butir-butir mengenai potongan dan timbusan (Contoh : parit tanah dan benteng sementara hendaklah diberi menggunakan skala yang sesuai).		
75	Tempat-tempat kerja tanah hendaklah diwarnakan mengikut kod warna Majlis.		
76	Petunjuk (legend) hendaklah dinyatakan.		

BIL.	SYARAT	TANDAkan (√)	CATATAN
77	Pastikan tandatangan, nama dan alamat pemunya tanah dan bangunan ada di dalam pelan-pelan kerja tanah.		
78	Pelan keratan akan menunjukkan, <ul style="list-style-type: none"> a. Aras Datum b. Cadangan Aras Tanah c. Korekan dalam meter d. Timbusan dalam meter e. Aras Tanah Sedia ada f. Jarak dalam meter 		
79	Ruang kosong (100x100mm min.) disediakan pada sebelah atas kanan pelan-pelan kerja tanah.		
80	Sila tunjuk kedudukan tembok penahan di atas pelan tapak.		
81	Sila tunjukkan kaedah yang akan diguna untuk menampung air dari 'weepholes' bagi tembok penahan yang dicadangkan.		
82	Jarak 600mm min. adalah dari invert parit ke bahagian atas asas tembok penahan.		
83	Sila tunjukkan dengan jelas lokasi untuk 'final discharge' di atas pelan susunatur.		
84	Sila tunjukkan ketinggian tembok penahan di atas setiap pelan keratan yang dikemukakan.		
85	Sila warnakan pelan tapak bagi item yang terlibat dengan pindaan sahaja.		
86	Sila kemukakan satu set pelan kerja tanah dalam bentuk CD (softcopy – dalam format Adobe pdf).		

BIL.	SYARAT	TANDAKAN (√)	CATATAN
87	Sila kemukakan 'schedule of size & reinforcement of retaining wall' di sebelah lukisan tembok penahan.		
88	Sistem perparitan yang bersesuaian untuk menampung air bagi lot berjiran (sekiranya perlu) mestilah ditunjukkan di atas pelan tapak dan pelan keratan berkaitan.		

.....
**Tandatangan dan Cop
Jurutera Perunding**